

<b>Headline</b>	<b>TNB guna arang batu campuran di Lumut</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>14 Jan 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>155,996</b>	<b>Readership</b>	<b>467,988</b>
<b>Section</b>	<b>Niaga</b>	<b>Page No</b>	<b>45</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>188 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 14,637</b>		



## TNB guna arang batu campuran di Lumut

**KUALA LUMPUR** – Tenaga Nasional Bhd. (TNB) memperkenalkan penggunaan arang batu campuran untuk penjanaan elektrik di stesen janakuasanya di Lumut, Perak sebagai usaha berterusan bagi memastikan bekalan arang batu kekal mampan dalam penjanaan tenaga elektrik.

TNB dalam kenyataannya berkata, pengenalan arang batu campuran tersebut turut dapat membantu mengukuhkan kelestarian pembekalan arang batu bagi Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah pada masa hadapan.

“Pelaksanaan ini juga dilihat selaras trend semasa dalam



PENGHANTARAN pertama arang batu campuran di Lekir Bulk Terminal di Lumut baru-baru ini.

kalangan sektor utiliti, iaitu menggunakan arang batu campuran untuk memastikan bekalan bahan bakar itu dapat memenuhi keperluan penjanaan tenaga elektrik.

“Operator Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah, TNB Janamanjung Sdn. Bhd. juga akan melaksanakan kajian pembakaran dan analisis makmal bagi memastikan

arang batu campuran itu melebihi piawaian tinggi yang ditetapkan sebelum sumber ini digunakan,” katanya di sini semalam.

Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah telah menerima penghantaran pertama arang batu campuran pada 31 Disember lalu, di Lekir Bulk Terminal yang sepenuhnya dimiliki oleh anak syarikat milik penuh TNB, Integraph Bhd.

Bekalan arang batu tersebut diimport daripada Indonesia oleh anak syarikat milik penuh TNB, TNB Fuel Services Sdn. Bhd. yang juga membekal gas dan arang batu bagi stesen jana kuasa elektrik dalam negara.